



MAJLIS SEKALUNG BUDI PENGURUSAN RISDA BERSAMA YB SENATOR TAN SRI DATO' SERI MUHAMMAD BIN MUHAMMAD TAIB

UCAPAN:

**YG. BHG. DATO' MOHAMMAD IZAT HASAN
KETUA PENGARAH RISDA**

**TEMPAT: DEWAN BUNGA KENANGA, HOTEL SERI PACIFIC
KUALA LUMPUR**

TARIKH: 20 MEI 2008

- Yang Berusaha Saudara Pengerusi Majlis
- Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Muhammad bin Hj. Muhammad Taib,
Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah merangkap
Mantan Pengerusi RISDA serta Yang Berbahagia Puan Sri Datin Seri Asbi Rohani binti Asnan
- Ahli-Ahli Pihak Berkuasa RISDA
- Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah RISDA
- Pengarah-Pengarah Bahagian, Pengurus-Pengurus Anak Syarikat serta Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera,

1. Mukadimah

Syukur Alhamdulillah, marilah kita sama-sama memanjatkan kesyukuran kepada Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurniaNya, dapat kita bertemu dalam satu Majlis yang sangat bermakna pada hari ini iaitu 'Majlis Sekalung Budi Pengurusan RISDA bersama YB Tan Sri Dato' Seri Muhammad bin Muhammad Taib'. Majlis ini telah di atur supaya Pengurusan RISDA dapat menghargai segala jasa dan bakti yang telah

3

dicurahkan oleh YB Tan Sri kepada RISDA semasa menjadi Pengerusi RISDA.

2. Created History- Pengerusi jadi Menteri

Tanggal 18 Mac 2008 merupakan tanggal yang tidak dilupakan oleh warga RISDA, hari yang menempa sejarah bagi RISDA kerana inilah hari di mana seorang Pengerusi RISDA di lantik menjadi Menteri lebih-lebih lagi Menteri KKLW! Hari ini juga merupakan hari Mesyuarat Pihak Berkuasa RISDA yang terakhir dipengerusikan oleh YB Tan Sri.

4

Walaupun kami di RISDA sedih kehilangan seorang Pengerusi yang begitu kami senangi tetapi pada masa yang sama kami juga merasa amat bangga bahawa Pengerusi kita menjadi Menteri kita which by itself is a plus factor for RISDA.

3. Jasa sebagai Pengerusi

YB Tan Sri telah di lantik sebagai Pengerusi RISDA mulai 3 Mei 2006 sehingga 18 Mei 2008 iaitu selama 2 tahun 14 hari. Selama 2 tahun ini, YB Tan Sri telah memimpin RISDA dengan komitmen yang tinggi, daya kreativiti yang tulin,

5

pengorbanan masa dan tenaga dan yang paling kami hargai adalah sifat kepimpinan yang terbuka dalam suasana kekeluargaan.

Tan Sri umpama pohon yang rendah

Tempat semua dapat berteduh

Masalah kusut dapat dileraikan

Orang yang marah dapat disejukkan

Musuh ganas dapat ditundukkan

Yang hanyut dapat dimudikkan

Yang tercicir dapat dikutip

6

Yang bocor dapat di tampal

Yang koyak dapat di jahit

Yang tua di kedepankan

Yang berilmu ditinggikan

Yang muda dihargai

Yang lemah diajari

Yang kuat diikuti

Maka itulah.....

Kalau Tan Sri turun ke laut, ikan kenyang

Kalau Tan Sri turun ke padang, belalang kenyang

Kalau Tan Sri ke udara, burung kenyang

7

Kalau Tan Sri turun ke tanah, cacing kenyang

Kalau Tan Sri masuk hutan, harimau kenyang!

Tan Sri telah melahirkan banyak perubahan dalam RISDA dan telah berjaya mengatasi pelbagai cabaran dan isu yang dihadapi oleh RISDA:

a. S-Factor

YB Tan Sri telah mengubah fokus RISDA kepada S-Factor iaitu memberi fokus kepada 'smallholders' atau pekebun kecil yang menjadi kumpulan sasar RISDA.

8

Sokongan, anjakan baru dan inspirasi yang datang dari YB Tan Sri Dato' Seri terhadap pembangunan masyarakat pekebun kecil amat tepat sekali kerana pekebun kecil memang mahukan lebih banyak perhatian, bantuan, bimbingan dan pimpinan.

b. 'Back To Basic'

YB Tan Sri juga telah mengembalikan semula matlamat penubuhan RISDA yang telah mula lari daripada matlamat penubuhan asal melalui konsep 'Back To Basic' iaitu Basic Target Group, Basic

9

Function, Basic Crop dan Delivery System. Keperhatian YB Tan Sri telah banyak membantu RISDA untuk membangunkan masyarakat pekebun kecil dengan lebih cekap dan berkesan.

c. Konsep Melayu Baru

YB Tan Sri juga di kenali dengan idea konsep Melayu Baru dan telah menubuhkan Sekretariat Melayu Antarabangsa atau SMA, suatu usaha mewujudkan jaringan masyarakat melayu di seluruh dunia dalam memastikan kecemerlangan bangsa. Melayu Baru

pada falsafah YB Tan Sri ialah manusia yang tidak confuse, jelas dengan imej (identiti) dan arah (visi) diri walau di mana mereka berada (kelas & peranan), punya adaptabiliti yang tinggi, menjadi pemimpin kepada perubahan sama ada teknologi atau pemikiran dan menjadikan Islam sebagai teras dalam segala aspek.

Berdasarkan Buku 'Melayu Baru' yang di tulis sendiri oleh YB Tan Sri, RISDA telah membengkelkan konsep 'Melayu Baru' ini dan resolusinya digunakan untuk

11

membangunkan warga RISDA dan masyarakat pekebun kecil yang majoritinya adalah melayu.

4. Harapan sebagai Menteri KKLW

Hari ini genaplah 2 bulan 2 hari YB Tan Sri di lantik sebagai Menteri KKLW. Tidak ragu lagi YB Tan Sri akan membawa satu perubahan besar ke kawasan luar bandar, insyaAllah. Dengan nafas baru yang di suntik oleh YB Tan Sri, semoga masyarakat pekebun kecil akan lebih terbela.

12

6. Penghargaan

Tiada kata yang dapat diluahkan, hanya yang mampu diucapkan ialah jutaan terima kasih dan segala budi yang dicurahkan akan tetap di kenang dan dihargai oleh warga RISDA dengan harapan sokongan, dorongan dan nasihat ini akan berterusan sebagai Menteri KKLW.

Kuning emas masaknyanya padi
Mawar merah dalam jambangan
Terima Kasih daun keladi
Budi Tan Sri jadi kenangan

13

Terima Kasih kami berperni
Usaha Tan Sri bukan kepalang
Kegigihan Tan Sri sebagai Pengerusi
Meletakkan RISDA ke mercu cemerlang.

5. Penutup

Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada YB Tan Sri yang sudi hadir pada hari ini walaupun sibuk dengan urusan Parlimen untuk bersama dengan Pengurusan RISDA pada sedikit masa yang terluang ini. Kami doakan YB Tan Sri sentiasa di berkati dan dirahmati

14

Allah SW.T. dalam menjalankan tugas sebagai Menteri KKLW.

Sekian. Wabillahi taufik walhidayah.

Wassalamualikum warahmatullahi wabarakatuh.